



29 Julai 2016
29 July 2016
P.U. (A) 212

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN MAJLIS KESELAMATAN
NEGARA (TINDAKAN DAN AKTIVITI YANG DILARANG
DALAM KAWASAN KESELAMATAN) 2016

*NATIONAL SECURITY COUNCIL (PROHIBITED ACTIONS
AND ACTIVITIES WITHIN SECURITY AREA)
REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/ *ATTORNEY*
GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAJLIS KESELAMATAN NEGARA 2016

PERATURAN-PERATURAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (TINDAKAN DAN AKTIVITI YANG DILARANG DALAM KAWASAN KESELAMATAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 42(2)(b) Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 [*Akta 776*], Perdana Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Majlis Keselamatan Negara (Tindakan dan Aktiviti yang Dilarang dalam Kawasan Keselamatan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2016.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “bekalan” termasuklah wang, makanan, minuman, pakaian, ubat, dadah dan apa-apa storan lain, peralatan, komoditi, barang atau apa jua benda lain.

Tindakan dan aktiviti yang dilarang dalam kawasan keselamatan

3. (1) Seseorang tidak boleh—

(a) menuntut, memungut atau menerima, atau cuba untuk menuntut, memungut atau menerima apa-apa bekalan daripada mana-mana orang lain dalam hal keadaan yang menimbulkan anggapan yang munasabah bahawa dia bercadang untuk, atau hampir, bertindak, atau telah bertindak, dengan cara yang memudaratkan keselamatan awam atau pengekalannya ketenteraman awam, atau bahawa bekalan yang dituntut, dipungut atau diterima sedemikian dicadangkan bagi kegunaan mana-mana orang yang bercadang untuk, atau hampir, bertindak sedemikian, atau telah bertindak sedemikian, dengan cara

yang memudaratkan keselamatan awam atau pengekaln ketenteraman awam dalam kawasan keselamatan;

- (b) memiliki apa-apa bekalan yang dia tidak boleh menjelaskan dengan memuaskan dalam hal keadaan yang menimbulkan anggapan yang munasabah bahawa bekalan itu dicadangkan bagi kegunaan mana-mana orang yang bercadang untuk, atau hampir, bertindak, atau telah bertindak, dengan cara yang memudaratkan keselamatan awam atau pengekaln ketenteraman awam;
- (c) memperuntukkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, apa-apa bekalan kepada mana-mana orang lain dalam hal keadaan yang menimbulkan anggapan yang munasabah bahawa orang lain itu bercadang untuk, atau hampir, bertindak, atau telah bertindak, dengan cara yang memudaratkan keselamatan awam atau pengekaln ketenteraman awam, atau bahawa bekalan yang diperuntukkan sedemikian dicadangkan bagi kegunaan mana-mana orang yang bercadang untuk, atau hampir, bertindak sedemikian, atau telah bertindak sedemikian, dengan cara yang memudaratkan keselamatan awam atau pengekaln ketenteraman awam dalam kawasan keselamatan; atau
- (d) menyembunyikan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan keselamatan awam atau pengekaln ketenteraman awam apabila diminta oleh mana-mana anggota pasukan keselamatan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Dibuat 26 Julai 2016
[MKN.(S)8.600-6/5; PN(PU2)737]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
Perdana Menteri

NATIONAL SECURITY COUNCIL ACT 2016

NATIONAL SECURITY COUNCIL (PROHIBITED ACTIONS AND ACTIVITIES WITHIN SECURITY AREA) REGULATIONS 2016

IN exercise of the powers conferred by paragraph 42(2)(b) of the National Security Council Act 2016 [Act 776], the Prime Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **National Security Council (Prohibited Actions and Activities within Security Area) Regulations 2016**.

(2) These Regulations come into operation on 1 August 2016.

Interpretation

2. In these Regulations, “supplies” includes money, food, drink, clothing, medicines, drugs and any other stores, instruments, commodities, articles or things whatsoever.

Actions and activities prohibited in security area

3. (1) A person shall not—

(a) demand, collect or receive, or attempt to demand, collect or receive any supplies from any other person in circumstances which raise a reasonable presumption that he intends, or is about, to act, or has acted, in a manner prejudicial to public security or the maintenance of public order, or that the supplies so demanded, collected or received are intended for the use of any person who intends or is about, so to act, or has so acted, in a manner prejudicial to public security or the maintenance of public order within the security area;

(b) possess any supplies for which he cannot satisfactorily account in circumstances which raise a reasonable presumption that the supplies are intended for the use of any person who intends, or is about, to act,

or has acted, in a manner prejudicial to public security or the maintenance of public order within the security area;

(c) provide, whether directly or indirectly, any supplies to any other person in circumstances which raise a reasonable presumption that that other person intends, or is about, to act, or has acted, in a manner prejudicial to public security or the maintenance of public order, or that the supplies so provided are intended for the use of any person who intends or is about, so to act, or has so acted, in a manner prejudicial to public security or the maintenance of public order within the security area; or

(d) conceal any information related to public security or the maintenance of public order upon being requested by any members of security forces.

(2) Any person who contravenes this regulation commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.

Made 26 July 2016
[MKN.(S)8.600-6/5; PN(PU2)737]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
Prime Minister